



## BANTUAN KHAS KEPADA PENERIMA BANTUAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

### **SOALAN LAZIM (FAQ)**

1. Apakah tujuan Bantuan Khas kepada penerima bantuan OKU?

**Tujuan Bantuan Khas ini adalah untuk membantu golongan OKU dan penjaga OKU** yang merupakan kumpulan yang terkesan secara langsung disebabkan oleh wabak COVID-19.

2. Siapakah yang layak menerima Bantuan Khas ini?

Bantuan Khas ini **HANYA** diberikan kepada penerima bantuan bulanan JKM di bawah skim **Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**, berdasarkan kepada senarai penerima bagi bayaran bantuan bulan Mei 2020.

3. Adakah saya perlu membuat permohonan untuk mendapatkan Bantuan Khas ini?

Bantuan Khas ini **TIDAK** memerlukan permohonan kerana Bantuan Khas OKU ini adalah bantuan bersasar yang diberikan kepada penerima bantuan sedia ada iaitu penerima di bawah skim **Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja**.

**(BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik**

**Terlantar (BPT).** Senarai nama penerima bantuan direkodkan melalui sistem eBantuanJKM ([www.ebantuanjkmy.gov.my](http://www.ebantuanjkmy.gov.my)).

4. Adakah penerima bantuan di bawah skim bantuan JKM yang lain layak menerima Bantuan Khas ini?

**TIDAK.** Mana-mana penerima bantuan yang bukan di bawah skim bantuan yang dinyatakan di **para 2 dan 3** adalah **TIDAK LAYAK** menerima Bantuan Khas ini.

5. Bilakah Bantuan Khas ini akan diterima?

Bantuan Khas ini akan diterima oleh penerima yang layak di bawah skim **Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)** selewat-lewatnya sebelum **15 Julai 2020**.

6. Bagaimanakah Bantuan Khas ini dibayar?

Bantuan Khas ini akan dibayar melalui kaedah **pindahan wang secara elektronik (EFT) kepada akaun penerima.**

7. Berapakah kadar Bantuan Khas yang diberikan kepada setiap penerima?

**Setiap penerima Bantuan Khas ini akan menerima RM300 secara one-off.**

8. Bagaimanakah semakan kelayakan Bantuan Khas ini boleh dibuat?

Pemohon boleh membuat semakan dengan menghubungi **Pejabat**

**Kebajikan Masyarakat Negeri/ Daerah yang berdekatan.**

Direktori Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat

Kebajikan Masyarakat Daerah boleh didapati di laman sesawang

[www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my) atau **Bilik Gerakan JKM di talian 03-8323 1996**

**atau Talian Kasih 15999 atau Whatsapp Talian Kasih 019-**

**2615999**

9. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya terdapat pertanyaan berhubung perkara ini?

Pertanyaan berhubung perkara ini boleh dibuat dengan menghubungi pegawai-pegawai berikut :

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Jawatan</b>	<b>No Telefon/ emel</b>
1.	En. Mohd Razuki Bin Sibi	Ketua Penolong Pengarah Kanan	03 – 8323 2362 mrazuki@jkm.gov.my
2.	En.Mohd Zamry Bin Abulis	Penolong Pengarah Kanan	03 – 8323 2371 mzamry@jkm.gov.my
3.	Seow Pui Ying	Penolong Pengarah	03 – 8323 2359 <a href="mailto:puiying@jkm.gov.my">puiying@jkm.gov.my</a>

atau

Menghubungi **Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/ Daerah yang berdekatan,**

atau

**Menghubungi Bilik Gerakan JKM di talian 03-8323 1996 atau Talian Kasih 15999 atau Whatsapp Talian Kasih 019-2615999**

Disediakan oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

7 Jun 2020